



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA
MAJLIS PEMBUKAAN JALAN
PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK
JAJARAN SERIAN, PAKEJ KERJA 03
5 DISEMBER 2021

Bismillahirrahmannirrahim

Salutasi

**Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga
Malaysia,**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dapat kita bersama-sama pada hari ini hadir ke Majlis Pembukaan Jalan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Bagi *Work Package Contract 03* (Seksyen Serian).
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas kesudian YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dan juga YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg kerana sudi hadir ke majlis pada hari ini. Saya juga ingin menyampaikan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan majlis ini.

Hadirin sekalian,

LATAR BELAKANG PROJEK

3. Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam menambah baik

jaringan jalan raya sedia ada di Sarawak dari Sematan ke Miri dan Limbang ke Lawas. Inisiatif tersebut merupakan perancangan yang rapi dan bersifat *holistic* oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan *Highway National Development Planning* (HNDP) ke atas jajaran *Trans Borneo Highway – AH150* yang menghubungkan Sarawak, Sabah, Brunei Darussalam dan Kalimantan.

4. Menerusi inisiatif *Colombo Plan* pada 1950 - 1960an, Jalan Persekutuan di Sarawak dinaiktaraf kepada jalan gravel dan seterusnya kepada jalan berturap semasa Rancangan Malaysia Ke-8. Seterusnya komitmen menaiktaraf Jalan Persekutuan di Sarawak diteruskan melalui Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1,046km secara berperingkat dengan keutamaan bagi pelaksanaan Fasa 1 sepanjang 786 km dari Telok Melano ke Miri seawal tahun 2015.
5. Manakala pelaksanaan Fasa 2 dari Limbang ke Lawas, *missing link* dari Kuala Baram ke Sungai Tujoh CIQ dan jalan sedia ada yang perlu dinaiktaraf (*red line*), penelitian lanjut sedang dijalankan di mana pelaksanaannya tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan.
6. Hasil daripada kerjasama dan usaha gigih para kontraktor, perunding, pihak-pihak yang terlibat serta pengawasan rapi oleh JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa Projek, Projek *Kick Off* iaitu Simpang Nyabau ke Simpang Bakun telah siap pada 18 Disember 2019 disusuli dengan satu Pakej Kerja dari Telok Melano ke Sematan telah siap pada 6 Januari 2019 dan seterusnya

Seksyen Julau bagi Pakej Kerja 07 telah disiapkan pada 28 Oktober 2021. Manakala baki 10 daripada 11 Pakej Kerja dari Sematan ke Miri telah 74% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun hadapan.

MAKLUMAT PROJEK

Hadirin sekalian,

7. Menyentuh mengenai Seksyen Serian bagi Pakej Kerja 03 yang dilaksanakan oleh Zecon Kimlun Consortium Sdn. Bhd. dengan kos pembinaan berjumlah RM700 juta, ianya bakal memberi kemudahan kepada pengguna jalan raya dari Kuching ke Sri Aman dan juga penduduk sekitar Bandar Serian, Simpang Gedong dan laluan ke Tebedu untuk bergerak dengan lebih selesa dan selamat. Selain itu ianya turut menjadi pemangkin kepada pembangunan di sepanjang jajaran contohnya Kampung Rachan, Kampung Rasau dan Pekan Balai Ringin dengan akses jalan raya yang jauh lebih baik.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

8. Besarlah harapan Kementerian Kerja Raya dan rakyat Sarawak sekiranya keseluruhan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak boleh disiapkan dan dilengkapkan bukan sahaja dari Telok Melano

ke Miri tetapi turut dari Limbang ke Lawas seterusnya ke Sabah. Dengan adanya jaringan jalan raya yang lebih baik, keterhubungan antara pekan dan bandar dan akses kepada kemudahan asas dapat ditambahbaik bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan sosial rakyat Sarawak khususnya di sepanjang jajaran projek.

9. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya, Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Kerja Raya Sarawak atas usaha untuk merancang dan melaksanakan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.